



JABATAN PERDANA MENTERI MALAYSIA,
KOMPLEKS JABATAN PERDANA MENTERI,
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN
PERSEKUTUAN,
62505 PUTRAJAYA

Telefon: 603-88881957

Kawat : PERDANA

Fax : 603-88883721

Rujukan Kami : JPM(S) 10034 Jld. 8(45)

Tarikh : 7 Jun 2000

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua Ketua Pengurusan Badan Berkanun Persekutuan

PEKELILING AM BIL. 2 TAHUN 2000

PERHIMPUNAN BULANAN DI KEMENTERIAN

TUJUAN

Tujuan Pekeliling Am ini ialah untuk memaklumkan keperluan mengadakan Perhimpunan Bulanan di semua Kementerian.

PELAKSANAAN PERHIMPUNAN BULANAN

Tujuan Perhimpunan

2. Kerajaan telah memutuskan supaya Perhimpunan Bulanan yang dihadiri dan diketuai oleh YB Menteri diadakan secara tetap dan berterusan di semua Kementerian. Tujuan mengadakan Perhimpunan Bulanan seperti ini ialah untuk menyemai nilai-nilai murni dan memupuk semangat bergerak ke arah satu haluan bagi mencapai matlamat pembangunan dan kesejahteraan negara di kalangan anggota Pentadbiran dan Perkhidmatan Awam. Nilai-nilai murni seperti benar, amanah, adil, bijaksana, telus, bersyukur, bersih, bertanggungjawab, berdisiplin dan ikhlas perlu disemai dan dijadikan teladan dalam perkhidmatan ini.

Kehadiran

3. Ketua-ketua Setiausaha diminta menjemput YB Menteri Kementerian masing-masing menghadiri dan mengetuai Perhimpunan Bulanan yang diadakan di Kementerian-kementerian. Perhimpunan Bulanan ini juga perlu dihadiri oleh YB Timbalan Menteri, Setiausaha Parlimen, Ketua Setiausaha, pegawai-pegawai kanan Kementerian, Ketua-ketua Jabatan dan Agensi serta semua kakitangan di bawah pengawasan Kementerian. Sekiranya Jabatan/Agensi terletak jauh daripada Kementerian, Jabatan/Agensi berkenaan boleh mewakilkan kepada seorang pegawai kanan untuk menghadiri perhimpunan ini dan satu perhimpunan yang berasingan perlu diadakan di peringkat Jabatan/Agensi dan diketuai oleh Ketua Jabatan/Agensi masing-masing.
4. Perhimpunan Bulanan hendaklah diadakan secara tetap tanpa pengecualian walaupun terdapat keadaan di mana YB Menteri tidak dapat menghadirinya. Dalam keadaan ini, perhimpunan yang diadakan bolehlah diketuai oleh YB Timbalan Menteri, Setiausaha Parlimen atau Ketua Setiausaha Kementerian berkenaan.

Hari dan Masa Perhimpunan

5. Perhimpunan Bulanan elok diadakan pada hari Isnin yang pertama setiap bulan. Walau bagaimanapun YB Menteri boleh menetapkan hari lain yang sesuai. Jika Jabatan/Agensi di bawah Kementerian mengadakan perhimpunan yang berasingan, ia boleh diadakan pada hari yang sama minggu berikutnya.
6. Perhimpunan Bulanan diadakan pada waktu pagi sebelum jam 8.15 pagi. Semua anggota Perkhidmatan Awam adalah diwajibkan hadir. Tempoh masa perhimpunan seboleh-bolehnya tidak melebihi setengah jam.

Aturcara Perhimpunan


7. Aturcara Perhimpunan Bulanan termasuk perkara-perkara berikut:
 - (a) Nyanyian lagu Negara Ku dan lagu-lagu patriotik atau lagu korporat yang boleh ditentukan oleh Kementerian;
 - (b) Pembacaan Ikrar Integriti Perkhidmatan Awam secara berkala mengikut kesesuaian, sekurang-kurangnya sekali setahun. Walau bagaimanapun bacaan ikrar ini tidak perlu diadakan setiap bulan. (Ikrar berkenaan adalah seperti di LAMPIRAN A);
 - (c) Ucapan ringkas oleh YB Menteri (atau oleh Ketua Jabatan/Agensi jika perhimpunan berasingan diadakan di peringkat Jabatan/Agensi yang terletak jauh daripada Kementerian); dan
 - (d) Pengumuman-pengumuman penting.

Keutamaan

8. Keutamaan hendaklah diberikan kepada Perhimpunan Bulanan ini dan Ketua Setiausaha serta Ketua Jabatan/Agensi bertanggungjawab memastikan anggota perkhidmatan awam di bawah pengawasan masing-masing menyertai perhimpunan ini.

TARIKH KUATKUASA

9. Pekeliling ini berkuatkuasa mulai dari tarikh ia dikeluarkan.



(TAN SRI ABDUL HALIM ALI)
Ketua Setiausaha Negara

IKRAR INTEGRITI PERKHIDMATAN AWAM

KAMI, PEGAWAI AWAM MALAYSIA, DENGAN SEPENUH DAN RELA HATI BERIKRAR MEMPERTAHANKAN DAN MEMPERKUKUHKAN INTEGRITI PERKHIDMATAN AWAM DENGAN MENCEGAH DAN MEMBENTERAS SEGALA BENTUK RASUAH, SALAHGUNA KUASA DAN PENYELEWENGAN MELALUI TINDAKAN-TINDAKAN BERIKUT:

- PERTAMA: BERUSAHA MEMUPUK DAN MENGAMALKAN NILAI-NILAI MEMBENCI RASUAH;
- KEDUA: MENUTUP SEMUA RUANG DAN PELUANG YANG MENDEDAHKAN KEPADA AMALAN RASUAH;
- KETIGA: BERTINDAK TEGAS TERHADAP MEREKA YANG MELANGGAR UNDANG-UNDANG, PERATURAN DAN ETIKA JABATAN;
- KEEMPAT: BEKERJASAMA SEPENUHNYA DENGAN MANA-MANA PIHAK UNTUK MEMERANGI SEBARANG PERLAKUAN JENYAH RASUAH;
- KELIMA: BERTINDAK TEGAS TERHADAP MEREKA YANG CUBA MENGGUGAT INTEGRITI DAN IMEJ PEGAWAI AWAM; DAN
- KEENAM: MEMATUHI SEPENUHNYA KOD ETIKA JABATAN DAN MENGAMALKAN NILAI-NILAI MURNI YANG BERTERASKAN AJARAN AGAMA DALAM MELAKSANAKAN TUGAS.